

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN**

TARIKH : 23 DISEMBER 2021 [KHAMIS]

SOALAN

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha jangka masa panjang Kementerian dalam menyediakan laluan khas buat mereka yang berbasikal, menunggang skuter dan berpapan luncur di kawasan-kawasan bandar tumpuan di seluruh negara khususnya di Seremban sebagai langkah bagi meningkatkan aspek keselamatan para pengguna pengangkutan casual tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan (MOT) akan mengawal selia dan menambahbaik peraturan lalu lintas mengenai penggunaan kenderaan mikromobiliti termasuk basikal dan basikal elektrik di Malaysia. Perkara utama yang akan diberi perhatian adalah aspek keselamatan bukan sahaja kepada penunggang basikal, tetapi yang tidak kurang penting adalah kepada pengguna jalan raya yang lain. MOT juga telah menguatkuasakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021** pada **16 Disember 2021**, dan telah diwartakan pada **17 Disember 2021**. “Kenderaan mikromobiliti tertentu” ertinya mana-mana kenderaan mikromobiliti yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual yang memenuhi perihalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual. Secara amnya, kenderaan mikromobiliti dalam kategori *Moped*, *Personal Mobility Devices* dan *Personal Mobility Aids* dilarang penggunaannya di atas jalan atau mana-mana bahagian jalan. Penggunaan basikal pula hendaklah mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] serta di bawah Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 / Road Traffic Rules 1959 dan lain-lain peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan mengenai penggunaannya di atas jalan.

Penggunaan kenderaan mikromobiliti ini boleh dipertimbangkan menerusi pengecualian di atas laluan-laluan khas yang telah ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan di atas mana-mana bahagian jalan, termasuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam hal ini, penyediaan laluan-laluan khas ini hendaklah mematuhi mana-mana garis panduan sedia ada atau yang sedang dibangunkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan. Penggunaan di laluan khas ini juga hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. Penetapan penggunaan laluan khas ini adalah bagi mengelakkan percampuran di antara pengguna kenderaan mikromobiliti dengan kenderaan motor yang lain (aliran trafik sedia ada) dan pejalan kaki.

SOALAN NO. 53

Dari segi penyediaan laluan khas, perkara ini merupakan di luar bidang kuasa pihak MOT. Namun begitu, pihak MOT menyokong penuh usaha-usaha untuk mewujudkan laluan khas untuk kenderaan mikromobiliti ini bagi meningkatkan keselamatan pengguna kenderaan ini dan juga pengguna jalan raya yang lain.